


Kesan Pengangkutan terhadap Masyarakat, Ekonomi dan Alam Sekitar di Asia

Masyarakat

Memendekkan masa perjalanan dan meningkatkan darjah ketersampaian



Kereta api berkelajuan tinggi dan kapal terbang yang moden menjamin ketersampaian ke pelbagai destinasi penumpang dengan cepat.

Meningkatkan taraf dan kualiti hidup



Penduduk dapat menggunakan pengangkutan yang cepat, murah dan selesa.

Mewujudkan banyak peluang pekerjaan



Banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang diwujudkan untuk masyarakat.

Mengurangkan kesesakan lalu lintas



Jumlah kenderaan persendirian di atas jalan raya dapat diminimumkan dan melancarkan perjalanan.

Meningkatkan integrasi



Perhubungan antara ahli keluarga bertambah erat.

Kesan Pengangkutan terhadap Masyarakat, Ekonomi dan Alam Sekitar di Asia

Ekonomi



Kesan Pengangkutan terhadap Masyarakat, Ekonomi dan Alam Sekitar di Asia

Alam Sekitar

■ Kesan positif

Mengurangkan pencemaran alam sekitar


- Penggunaan kereta api elektrik tidak membebaskan gas-gas rumah hijau ke udara.
- Penggunaan kenderaan awam dapat meminimumkan bilangan kenderaan persendirian di jalan raya dan mengurangkan pembebasan gas-gas rumah hijau.

Perubahan landskap yang menarik

- Landskap di sekitar kawasan lapangan terbang dan landasan kereta api yang cantik dan pelbagai.
- Mewujudkan kawasan yang bersih dan teratur.



■ Kesan negatif



Kemusnahan hutan yang luas

- Kawasan hutan ditebang dan dibuka untuk pembinaan landasan kereta api dan lapangan terbang.
- Berlaku hakisan tanah dan tanah runtuh di kawasan yang tidak diuruskan dengan sebaiknya.

Pencemaran

- Pencemaran air kesan pembinaan pelabuhan dan tumpahan minyak daripada kapal yang berlabuh.
- Pencemaran bunyi yang dihasilkan oleh kapal terbang di kawasan lapangan terbang.